

Headline	Perjelas formula jika mahu naik tarif air		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	7	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	243 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 8,344
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,032



# Perjelas formula jika mahu naik tarif air

→ Tindakan perlu dilaksana kerana babit kebijakan rakyat Selangor

Oleh **Norrasyidah Arshad**  
norrasyidah@NSTP.com.my

■ Shah Alam

**K**erajaan Selangor digesa menunjukkan laporan hitam putih sebelum mengambil keputusan menaikkan tarif air negeri ini.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA) Malaysia, Datuk Dr Jacob George, berkata laporan berkenaan perlu didedahkan kepada rakyat, selain penjelasan lanjut berhubung kenaikan itu diberikan kepada rakyat.

Katanya, tindakan itu juga perlu memandangkan ia berkait rapat dengan skim pemberian air percuma 20 meter padu yang termasuk dalam manifesto kerajaan negeri.

“Rakyat mahu melihat apa relevannya kenaikan tarif ini. Adakah ia memberi kesan kepada perbelanjaan negeri atau ia hanya sekadar menutup salah langkah

kerajaan.

“Rakyat bukan menentang perkara ini, tetapi mahu penjelasan dan formula digunakan kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu membabitkan kebijakan rakyat Selangor,” katanya kepada NSTP, di sini, semalam.

Beliau berkata, penjelasan itu penting kerana rakyat perlu mengetahui kesan kepada keputusan kenaikan tarif.

## Boleh dirunding

“Jika tarif air dikekalkan dan akan memberi kesan buruk kepada masyarakat seperti menyebabkan kaitangan awam dibuang kerja, ia boleh dirunding.

Headline	Perjelas formula jika mahu naik tarif air		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	7	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	243 cm <sup>2</sup>
Journalist	Norrasyidah Arshad	AdValue	RM 8,344
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,032

“Apa yang penting, penjelasan daripada kerajaan negeri kepada rakyat mengapa tindakan menaikkan tarif air perlu dibuat,” katanya.

Kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Izham Hashim mengakui pentadbiran kerajaan negeri sudah mengadakan perbincangan berhubung kenaikan tarif air negeri ini berikutan kos tinggi dalam melaksanakan skim air percuma.

Pada 3 Ogos lalu, penstrukturuan semula air negeri ini selesai selepas Kerajaan Selangor melalui Air Selangor mengemukakan surat ta-

waran pengambilalihan itu kepada wakil pemegang saham Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH) dengan nilai pengambilalihan berjumlah RM2.55 bilion.

#### **Surat tawaran**

Berikut itu, bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mendakwa, pembelian SPLASH berjumlah RM2.55 bilion membuatkan rakyat Selangor perlu membayar lebih 10 kali ganda daripada apa yang ditawarkan kerajaan negeri pada 2013.

Pemberian air percuma dilancarkan di negeri ini sejak 2008 selepas PKR mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri.

Headline	Yayasan Jantung Penyayang sedia dana RM3 juta		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	22	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	369 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,879



TENGKU PERMAISURI NORASHIKIN berkenan melawat wad kanak-kanak selepas merasmikan Yayasan Jantung Penyayang di Institut Jantung Negara (IJN) di Kuala Lumpur, semalam. Turut sama, Pakar Klinikal Pusat Jantung Kanak-Kanak dan Kongenital IJN, Dr. Marshisham Che Mood (kiri).

## Yayasan Jantung Penyayang sedia dana RM3 juta

**KUALA LUMPUR 13 Sept.** – Yayasan Jantung Penyayang menyasarkan penyediaan dana sebanyak RM3 juta tahun depan bagi membantu golongan kurang bernasib baik atau kurang berkemampuan untuk menjalani prosedur rawatan jantung.

Pengerusi Yayasan Jantung Penyayang, Muhammad Hisham Iskandar Muhammad berkata, yayasan itu akan berada di lapisan ketiga sebagai pertubuhan yang memberi bantuan untuk pesakit jantung selepas Tabung Bantuan Perubatan (TBP) dan Yayasan

Institut Jantung Negara (IJN).

“Selain itu juga, Yayasan Jantung Penyayang menyediakan perkhidmatan kumpulan sokongan dari segi kaunseling kepada pesakit dalam menjalani prosedur rawatan jantung.

“Yayasan ini juga bekerjasama dengan institusi-institusi kesihatan yang lain dengan memberikan tumpuan kepada beberapa bahagian penting iaitu penyelidikan, pendidikan awam, pendidikan profesional dan pemulihan bagi merealisasi matlamat serta memper-

kenalkannya kepada umum,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Yayasan Jantung Penyayang yang disempurnakan oleh Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin Abdul Rahman di IJN di sini, hari ini.

Muhammad Hisham menambah, meskipun sudah lima tahun diwujudkan, yayasan itu terpaksa menghentikan aktivitiya kerana ketiadaan dana untuk bergerak.

“Akhirnya pada Disember

tahun lalu Tengku Permaisuri Norashikin menyatakan hasrat untuk menjadi Penaung Yayasan Jantung Penyayang dan atas semangat baginda untuk membantu, kita dapat dana yang mencukupi untuk memulakan misi untuk membantu pesakit jantung.

“Saya ingin menyeru kepada badan berkanun dan syarikat korporat yang berkemampuan untuk tampil bekerjasama dengan yayasan seperti kami untuk sama-sama melakukan amal dan membantu orang dalam kesusahan,” katanya.

Headline	Kakitangan MPSJ dipenjara 14 hari, denda		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	14 Sep 2018	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	112,050
Page No	29	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	129 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,681
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,043



## Kakitangan MPSJ dipenjara 14 hari, denda

**SHAH ALAM 13 Sept.** - Ga-ra-gara membuat tuntutan elaun kenderaan palsu bernilai hampir RM1,000, seorang pembantu operasi di Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dihukum penjara 14 hari dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini.

Hakim Mohd. Sabri Ismail menjatuhkan hukuman itu selepas Mohd. Farid Abdul Rahim, 39, mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dilakukan di pejabat MPSJ pada 26 April tahun lalu.

Mahkamah memerintahkan tertuduh dipenjara setahun lagi jika gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, Mohd. Farid didakwa telah membuat tuntutan elaun perjalanan bagi Mac 2017 berjumlah RM984.25 untuk perjalanan dari pejabat MPSJ ke Jabatan Teknikal Luaran dan agensi luar, sedangkan dia tidak melaksanakan tugasannya itu.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Mohd. Farid yang tidak diwakili peguam memohon hukuman ringan kerana tidak tahu kesalahan yang dilakukannya itu adalah besar sehingga disiasat oleh SPM.

Katanya, dia juga mempunyai empat orang anak yang bersekolah dan ibu bapa yang perlu ditanggung selain akan kehilangan kerja.

Namun, Timbalan Pendakwa Raya daripada SPM, Hazirah Azeman memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh dan penjawat awam yang lain.

Headline	Damansara Bestari folk to get new set of lifts next year		
MediaTitle	The Star		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	2	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	778 cm <sup>2</sup>
Journalist	Christina Low	AdValue	RM 41,663
Frequency	Daily	PR Value	RM 124,988



# Damansara Bestari folk to get new set of lifts next year

Low-cost flats benefit from Selangor's Smart Life programme

By CHRISTINA LOW

christinalow@thestar.com.my

RESIDENTS of Damansara Bestari flats in Section 19, Petaling Jaya will be getting new lifts next year after being shortlisted for the state government's Selangor Smart Life programme.

The low-cost flats are the only recipient under the Bukit Gasing constituency to receive the grant as two others – Gasing Indah flats in Section 5 and PKNS flats in Section 17 – do not require lifts as the buildings are low-rise.

Damansara Bestari comprises four blocks of flats with two sets of lifts each. These are in dire need of repairs but the cost to fix and maintain them were too much for residents to bear.

"We carry out repairs every now and then, but recently one of our lifts broke down and the cost to repair it was more than RM16,000.

"It is very expensive and we cannot afford to pay that much," said Damansara Bestari (Block B) management committee chairman Shari Othman, 64.

Shari said at present, residents relied on one lift to get around the 11-storey building and sometimes used the staircase in times of emergency.

Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran said the cost to instal eight sets of lifts was RM1.56mil and this would be fully paid for under the programme.

"Every now and then, one of the lifts here will malfunction and it will take time to get it running again," said Rajiv.

He added that the installation work would begin in January next year, after the appointed contractor completed and obtained the measurements and necessary materials.

"In January, the contractor will remove and instal one lift at a time in each block," he said, adding that the installation would take about

**“The state government will support the maintenance costs for the new lifts for one year before handing it over to the management committee.”**

Rajiv Rishyakaran

three months to complete.

Rajiv estimated that the project would be completed by May, 2019.

"The state government will be supporting the maintenance costs for the lifts for one year, after that it will be handed to the management committee," he said when meeting the residents' representatives from each block.

The lifts will also be equipped with two CCTVs each. Rajiv reminded residents to monitor the cameras closely to catch those found vandalising the lifts.

Shari said the lifts were usually vandalised with stickers on the doors and pen marks inside the lift.

"We always remind residents that this is our neighbourhood and we must take care of our surroundings at all times," he said.

Damansara Bestari (Block C) management committee chairman Ibrahim Hamzah also hoped residents of the 500 units would pay their RM60.50 maintenance fees promptly. "If everyone pays their dues on time, we can continue to maintain the lifts and the building well," he said.

Ibrahim also thanked Rajiv and former Damansara Utama assemblyman Yeo Bee Yin, who worked hard to assist the residents in receiving the grant from the state government.

Headline	Damansara Bestari folk to get new set of lifts next year		
MediaTitle	The Star		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	2	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	778 cm <sup>2</sup>
Journalist	Christina Low	AdValue	RM 41,663
Frequency	Daily	PR Value	RM 124,988



Headline	Aspiring actors to light up MBPJ stage		
MediaTitle	The Star		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	16	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	331 cm <sup>2</sup>
Journalist	OHING YEEN	AdValue	RM 17,657
Frequency	Daily	PR Value	RM 52,971



Johary (seated, fourth from left) with councillors and representatives from the participating theatre groups at the press conference.

# Aspiring actors to light up MBPJ stage

Ten teams will vie in first-ever event by council

By OH ING YEEN  
ingyeen@thestar.com.my

THEATRE enthusiasts can look forward to the PJ Art City Theatre Arena (Gelanggang Teater Kota Seni PJ) at the Petaling Jaya City Council (MBPJ) Civic Hall Auditorium from Sept 25 to 29.

The shows are free and open to the public.

Ten theatre groups, which are recognised by the Selangor Theatre Council, will vie for the Piala Pusingan Menteri Besar Selangor.

The champion will win RM4,000 cash; there will also be cash prizes

for the runner-up, best actor, best actress and other categories. The winner of each category will also receive a trophy, participation certificate, hamper and souvenir.

The jury panel consists of veterans in the industry, namely Datuk Ahmad Tarmimi Siregar, Fauziah Nawi and Norzizi Zulkifli.

The inaugural event by MBPJ aims to promote the arts and culture in line with its role as an Art City.

MBPJ deputy mayor Johary Anuar said both Petaling Jaya and Shah Alam City Councils are recognised by the Selangor government

as Art Cities.

"We hope that this event will provide the youth a platform for arts and culture," he said.

He added that the auditorium, which has a 900-seating capacity, has the facilities for theatre performances and has been used by Astro for its Akademi Fantasia programmes.

Performances will be held at 8.30pm from Sept 25 to 28, and from 5pm on Sept 29.

For details, visit [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), [www.facebook.com/petaling-jayacitycouncil](http://www.facebook.com/petaling-jayacitycouncil), or call 03-77810178.

Headline	Enggan keluar duit, mahu air bersih		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	14 Sep 2018	Circulation	112,705
Section	Setempat	Readership	338,115
Page No	77	ArticleSize	124 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 4,885
Journalist	N/A	PR Value	RM 14,655
Frequency	Daily		



### Petaling Jaya

## Enggan keluar duit, mahu air bersih

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar hairan dengan sikap rakyat Malaysia yang enggan mengeluarkan wang, tetapi mahu kan air bersih dan perkhidmatan berkualiti.

Katanya, hanya 10 peratus rakyat Malaysia ada kesedaran mendapatkan perkhidmatan In-dah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) untuk mengosongkan tangki septik di kediaman mereka bagi mendapatkan air bersih sebagai kegunaan isi rumah.

"Tangki septik perlu dibersihkan dua tahun sekali dan kos dikenakan ialah RM144 atau RM6 sebulan. Jika rakyat mahu perkhidmatan bagus dan standard mereka mesti bayar kerana kerajaan tidak mampu menanggung keseluruhan kos.

"Tahun ini kerajaan mengeluarkan kos RM150 juta kepada IWK untuk mereka beroperasi menggunakan sistem yang ada.

"Kerajaan belanja berbilion ringgit untuk memperbaiki dan me-



DR Xavier

naik taraf sistem pembe-tungan sedia ada meng-gunakan sistem sepusat dan sistem sedutan ba-wah tanah untuk menga-lirkan air lebihan secara teratur ke sungai yang boleh digunakan semula sebagai gas atau bahan tenaga," katanya.

Dr Xavier ditemui pada Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) anjuran IWK di Lovely Nursing Centre, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pe-gawai Operasi IWK, Mo-hamed Haniffa Abdul Hamid dan Pengasas Lo-vely Nursing Centre, Da-tuk Sri R Gopi.

Headline	Penjara 14 hari balasan menipu		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	80	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	226 cm <sup>2</sup>
Journalist	Siraj Mohd Zaini	AdValue	RM 8,903
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,709



# Penjara 14 hari balasan menipu

Siraj Mohd Zaini  
siraj@nsp.com.my

## Shah Alam

**S**eorang kakitangan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dijatuhi hukuman penjara 14 hari dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan menge-mukakan tuntutan elaun perjalanan palsu berjumlah RM984.25 bagi bulan Mac, tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Farid Abdul Rahim, 39, membuat pengakuan itu sebaik per-tuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Mengikut pertuduhan,

## ■ Kakitangan MPSJ kemuka tuntutan elaun perjalanan palsu RM984.25

Mohd Farid yang bekerja sebagai Pembantu Am Pejabat ketika itu mengemukakan dokumen kenyataan tuntutan elaun perjalanan dalam negeri bagi bulan Mac 2017 berjumlah RM984.25 yang diketahuinya palsu dan perbuatan itu dilakukan pada 26 April tahun lalu di pejabat MPSJ, Subang Ja-ya.

Dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhan-jaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan

boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) Akta yang sama yang membawa hu-kuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai yang palsu.

Pendak-waan diken-dalikan Tim-baluan Pendak-wa Raya Hazirah Azeman manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, dalam ra-yuannya, Mohd Farid memohon hukuman yang ri-angan atas alasan dirinya

penanggung tunggal ke-luarga.

“Saya mempunyai empat anak dan tidak ada sumber pendapatan lain dan anak sangat penting bagi saya,” katanya.

Bagaimanapun, Hazirah memohon hukuman se-timpal dijatuhkan terhadap tertuduh bagi memberi pe-najaran kepada orang ra-mai supaya tidak melaku-kan perbuatan berkenaan.

Mohd Sabri kemudian menjatuhkan hukuman penjara 14 hari berkuat-kuasa, semalam serta den-da RM10,000 dan jika ter-tuduh gagal membayar denda boleh dikenakan hukuman penjara setahun.

**FAKTA**  
Kemuka tuntutan  
elaun perjalanan  
palsu bagi bulan  
Mac tahun lalu

Headline	Tunjuk laporan hitam putih sebelum naik tarif air negeri		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	82	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	82 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,230
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,691



**Shah Alam**

## Tunjuk laporan hitam putih sebelum naik tarif air negeri

Kerajaan Selangor digesa menunjukkan laporan hitam putih sebelum mengambil keputusan menaikkan tarif air negeri ini.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA) Malaysia, Datuk Dr Jacob George, berkata, laporan berkenaan perlu dideahkan kepada rakyat selain penjelasan lanjut berhubung kenaikan itu diberikan kepada rakyat.

Katanya, tindakan itu juga perlu memandangkan ia berkait rapat dengan skim pemberian air percuma

20 meter padu yang termasuk dalam manifesto kerajaan negeri.

“Sebagai rakyat, kita mahu lihat apa relevannya kenaikan tarif ini. Adakah ia akan memberi kesan kepada perbelanjaan negeri atau ia hanya sekadar menutup salah langkah kerajaan.

“Rakyat bukan anti kepada perkara ini tapi mahu penjelasan serta formula yang digunakan kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu membabitkan kebijakan rakyat Selangor,” katanya semalam.

Headline	Staf MPSJ buat tuntutan palsu dijel, denda		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Sep 2018	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	155,996
Page No	19	Readership	467,988
Language	Malay	ArticleSize	99 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,310
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,930



## Staf MPSJ buat tuntutan palsu dijel, denda

**SHAH ALAM** - Seorang pembantu operasi Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dihukum penjara 14 hari dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah membuat tuntutan elaun perjalanan palsu berjumlah RM984.25, Mac tahun lalu.

Hakim Mohd. Sabri Ismail turut memerintahkan tertuduh, Mohd. Farid Abdul Rahim, 39, dipenjara setahun sekiranya gagal membayar denda tersebut. Tertuduh membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa telah membuat tuntutan elaun perjalana-

nan sebanyak RM984.25 bagi bulan Mac 2017 untuk perjalanan dari pejabat MPSJ ke Jabatan Teknikal Luaran dan agensi luar meskipun tidak melaksanakan tugasan tersebut.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu pada 26 April 2017 ketika bertugas di Jabatan Semakan Setempat Pejabat MPSJ.

Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai kesalahan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Headline	Pembangunan tak jejas keadaan asal		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Sep 2018	Color	Black/white
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	55 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 542
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,626



## Pembangunan tak jejas keadaan asal

### HULUSELANGOR

- Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, pembangunan Pekan Kuala Kubu Bharu tetap mengekalkan keadaan asal dan memberi kelainan kepada pengunjung.

Menurutnya, selain lokasi pelancongan, pekan tersebut terkenal dengan kesenian dan kebudayaan.

“Banyak tempat menarik seperti Bukit Fraser, Bukit Kutu, Air Terjun Sungai Chiling dan Air Terjun Lata Medang.

“Ada bangunan bersejarah seperti pejabat pos, balai polis dan menara jam selain dirancang pihak perancang bandar pada 1930,” katanya pada Festival Seni Hulu Selangor, di sini

Menurutnya, keunikan dan kebudayaan babitkan semua kaum.

Headline	Maklum kehendak rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	379 cm <sup>2</sup>
Journalist	AHMAD ISMADI ISMAIL	AdValue	RM 6,465
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,395



# Maklum kehendak rakyat

*MPAJ rancang anggaran perbelanjaan tahun depan*

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sedia maklum berhubung permohonan masyarakat yang mahu pihak berkuasa tempatan itu menaik taraf infrastruktur di lokaliti berkenaan.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, rakyat mahu MPAJ menaiktaraf dewan sedia ada serta membina lebih banyak lagi kemudahan itu untuk penduduk menjalankan aktiviti dan program.

"Mereka mahu kita membaik pulih dewan sedia ada dan mewujudkan dewan baharu di kawasan yang tidak ada kemudahan tersebut," katanya.

Abd Hamid berkata, komuniti juga mahu MPAJ membina lebih banyak kawasan riadah seperti gelanggang futsal dan permainan kanak-kanak.

"Kita juga mendapat saranan dan cadangan daripada masyarakat agar MPAJ mempertingkatkan lagi



Abd Hamid (lima, kiri) bersama wakil kawasan rukun tetangga yang hadir pada seminar, semalam.

program Hijau supaya mendidik masyarakat berkaitan penjagaan alam sekitar dan kepentingan kitar semula," katanya pada sidang media selepas menghadiri Seminar Jawatankuasa Penduduk Siri 1/2018 (Townhall Bajet 2019), kelmarin.

Seramai 200 peserta menghadiri seminar yang membabitkan wakil penduduk, surau, masjid dan sekolah.

Abd Hamid berkata, seminar bertujuan menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi 2019.

"Kita perlu membincangkan keperluan dan asas makluman anggaran hasil dan perbelanjaan.

"Kita juga mahu memastikan

Laporan Bajet Program dan Prestasi yang disediakan selaras dengan garis panduan dan format yang ditetapkan sebelum dikemukakan kepada Perbendaharaan Negeri," katanya.

Beliau berkata, cadangan perancangan anggaran perbelanjaan pada 2019 hendaklah disediakan berdasarkan keperluan dan keupayaan jabatan untuk melaksanakan program, aktiviti dan projek bagi memastikan peruntukan dapat dibelanjakan secara optimum dan memberi manfaat kepada kumpulan sasar iaitu rakyat Ampang Jaya.

"Kita perlu membuat perancangan perolehan yang teliti agar setiap peruntukan yang dipohon

adalah benar-benar diperlukan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan dibelanjakan secara berhemah," katanya.

Menurutnya, dalam memastikan tidak berlaku pembaziran yang mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam, kesemua cadangan mesti berupaya memberi nilai optimum bagi setiap wang yang dibelanjakan.

"Pegawai juga perlu mengambil serius teguran audit dan bertindak memperbaiki kelemahan serta memastikan perkara sama tidak berulang pada masa hadapan," katanya.

Headline	MPKj gempur kebun haram di Cheras		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	14 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	33	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	259 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,418
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,254



## MPKj gempur kebun haram di Cheras



Wen Siang (kanan) melihat operasi yang dilaksanakan oleh MPKj

KAJANG – Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) tidak akan berkompromi terhadap pihak yang menceroboh zon hijau milik pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Ahli Majlis MPKj, Law Wen Siang berkata, PBT itu menerima aduan kebun haram yang diusahakan di Jalan Permaisuri, Bandar Mahkota Cheras.

"Saya dimaklumkan kebun ini wujud lebih setahun, ada pihak dipercayai menceroboh tanah untuk tanam pisang dan ubi kayu, tapi tak diselenggara dengan baik sehingga dipenuhi semak," katanya.

Justeru, katanya, MPKj telah melaksanakan Ops Cantas Bersepadu, semalam.

"Seramai 53 kakitangan MPKj terlibat serta empat jentera 'skylift' digunakan untuk melancarkan operasi tersebut," katanya.

Wen Siang berkata, MPKj telah membersihkan kawasan tersebut.

"Jabatan Landskap dan Rekreasi MPKj akan menanam se-

***Ada pihak dipercayai menceroboh tanah itu untuk menanam pisang dan ubi kayu, tapi tidak diselenggara dengan baik."***

- Wen Siang

mula pokok dan akan meletakkan papan tanda amaran di atas tanah tersebut," katanya.

Beliau berkata, masyarakat yang berhasrat mahu mewujudkan kebun komuniti boleh merujuk Jabatan Landskap dan Rekreasi MPKj.

"Masyarakat harus memohon dan meminta kebenaran kepada MPKj, jabatan berkenaan akan melihat kesesuaian tanah tersebut sama ada boleh dijadikan sebagai kebun komuniti," katanya.